



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

PERATURAN 38 (b)

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN
PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DI KEMENTERIAN / JABATAN DI MANA KEKOSONGAN
JAWATAN DIKLANKAN SAHAJA**

**KOPERAL WADAR (P.3)
JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 23 OGOS 2023
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 06 SEPTEMBER 2023
BILANGAN IKLAN: 2023/AUG/27**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Penjara**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**KOPERAL WADAR
JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
P.3 (\$750 - \$1,070 EB KHAS \$1,095 - \$1,195 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA BELAS (13)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Telah berkhidmat di Jabatan Penjara sebagai Wadar dalam tangga gaji P.1 EB.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Peperiksaan Jabatan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada pegawai-pegawai atasan bagi keberkesanan keselamatan dan kawalan;
2. Mengawas dan mengawal banduan-banduan / penghuni-penghuni di sepanjang masa mengikut giliran;
3. Mengawal dan menjaga keselamatan dan kebersihan tempat-tempat di mana diaturkan bertugas;
4. Sebagai ketua blok dan bertindak dalam menghadapi sebarang kejadian yang tidak diingini mengikut Aturan-Aturan dan Perintah Tetap Penjara;
5. Bertanggungjawab bagi kegiatan-kegiatan harian banduan / penghuni dan meneliti semua aspek kesejahteraan, keselamatan dan tatatertib;
6. Mempastikan bahawa pemeriksaan harian hendaklah dibuat terhadap semua banduan / penghuni, bangunan, kebersihan dan membuat laporan mengenai sebarang kerosakan; dan
7. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Penjara dan pegawai-pegawai atasan yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa.